

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD.
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha pihak Kementerian dalam mengekang isu penjualan produk Ivermectin yang tidak berdaftar namun digunakan sebagai rawatan atau pencegahan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan produk-produk kesihatan dan ubat-ubatan yang dipasarkan di Malaysia berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dijual kepada orang awam. Produk kesihatan yang berdaftar mempunyai nombor pendaftaran MAL serta pelekat keselamatan hologram pada labelnya.
2. Bagi mengekang penjualan produk kesihatan tidak berdaftar termasuk produk dengan dakwaan boleh merawat COVID-19 seperti Ivermectin, Kementerian Kesihatan telah menjalankan tindakan pemeriksaan dan operasi serbuan secara berterusan ke atas premis-premis atau penjual berkaitan berdasarkan pemantauan dalaman dan pengesahan ke atas aduan yang diterima daripada orang awam. Syarikat atau individu yang didapati memiliki atau menjual produk kesihatan, tidak

berdaftar akan disiasat dan didakwa di mahkamah di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

3. Kementerian Kesihatan telah menerima sebanyak 183 aduan dan 81 maklumat mengenai Ivermectin sepanjang tahun 2020 hingga 12 Oktober 2021. Berdasarkan pengesahan yang dijalankan, sebanyak **17 premis** telah diserbu pada tahun 2020 dengan nilai rampasan berjumlah **RM7,193** dan serbuan ke atas **43 premis serta 17 pemeriksaan** pada tahun 2021 dengan nilai rampasan **RM124,815**.

4. Kementerian Kesihatan juga telah meningkatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan melibatkan pengiklanan dan penjualan Ivermectin secara dalam talian. Terdapat pengiklanan dan penjualan keluaran Ivermectin di platform e-dagang yang dijual telah diarah untuk diturunkan dan sejak tahun 2020, pihak syarikat pengendali platform telah diarahkan untuk menyekat sebarang produk ubat-ubatan berkaitan COVID-19.

5. Sebanyak **2,891 iklan produk** yang mengandungi tuntutan berkaitan COVID-19 telah dinotifikasi untuk diturunkan sejak tahun 2020 sehingga 12 Oktober 2021, iaitu termasuk:

- (i) 247 iklan berkaitan Ivermectin yang diarahkan untuk diturunkan di platform e-dagang dalam negara;
- (ii) 63 bilangan pautan di sosial media dan platform e-dagang luar negara berkaitan Ivermectin telah dimajukan kepada pentadbir platform bagi permohonan penurunan kandungan; dan
- (iii) 9 laman web (*website*) telah dimajukan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan sekatan.

6. Kementerian Kesihatan secara berterusan mengadakan sesi libat urus bersama sosial media dan membekalkan kata-kata kunci berkaitan supaya pengiklanan oleh pengguna sosial media boleh disekat dengan mudah sebelum ianya berlaku.

Sekian, terima kasih.